

Taman Ilmu: Henti tabur fitnah

KAMPUNG RAJA - Mantan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh meminta pembangkang berhenti menabur fitnah isu projek Taman Ilmu, di Tembila.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno berkata, sekiranya pembangkang tidak mengetahui fakta sebenar usah menabur fitnah kononnya kerajaan negeri sengaja membiarkan projek terbengkalai.

Menurut Menteri Pendidikan Tinggi itu, Taman Ilmu sekarang telah digunakan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin



IDRIS

(UniSZa) Kampus Besut sebagai asrama pelajarinya sejak tahun lepas dan tidak lama lagi kampus induk Universiti P Ramlee bakal dibuka di situ.

"Pada 15 Mac ini akan diadakan majlis penyerahan satu fasa bangunan kepada Universiti P. Ramlee oleh kerajaan negeri.

"Sebab itulah kalau tidak tahu fakta cukuplah pembangkang membuat fitnah," katanya dalam ucapannya ketika merasmikan Sambutan 100 Tahun Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Raja.

Baru-baru ini isu projek Taman Ilmu tular semula di media sosial apabila ada pihak tertentu menyiarkan gambar dan video tentang kerosakan yang berlaku di beberapa bangunan Taman Ilmu.